

Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-6/2/2
Tarikh : 15 November 2021

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 1 Sesi Akademik 2021-2022
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2021-2022

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 1 Sesi Akademik 2021-2022 akan diadakan pada **7 hingga 27 Februari 2021**. Untuk makluman saudara/i, **tiada peperiksaan berjadual secara bersemuka akan dijalankan pada semester ini**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi sesuatu kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 1 Sesi Akademik 2021-2022 melalui **SMPE** mulai **6 hingga 12 Disember 2021**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESSIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Yang benar,



AZNIDA MOHAMED IDRIS

Penolong Pendaftar

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
- Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESSIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my